

## Tanah persendirian jadi tapak sampah haram akan dirampas



Foto Arkid NSTP

Shah Alam: Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor akan merampas tanah persendirian di negeri itu yang disewakan kepada pihak tertentu bagi dijadikan tapak pelupusan sampah haram.

Pengaruhnya Dr Yusri Zakariah berkata, tindakan berkenaan akan diambil jika pembuangan sampah haram di lokasi tersebut masih berlaku walaupun pemilik tanah sudah diberikan nasihat dan notis oleh pihak berkuasa.

Beliau berkata, isu tapak pelupusan sampah haram di Selangor bukan perkara baharu sebaliknya sudah berlaku bertahun-tahun yang bukan sekadar di Kuala Selangor malah daerah lain seperti Hulu Langat, Sepang serta Gombak.

"Memang setiap daerah bila dapat aduan (tapak sampah haram) daripada orang ramai, tindakan akan dibuat, dimulakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), kemudian akan ada koordinasi daripada pejabat daerah dan PBT. Kebiasaannya PBT akan buat sitaan kepada lori dan sebagainya (di tapak tersebut).

"Bagi pejabat tanah, kita akan semak tanah itu milik siapa. Kalau tanah kerajaan, kita boleh terus buat penguatkuasaan. Kalau tanah milik persendirian, kita akan hantar notis 7A Kanun Tanah Negara terlebih dahulu untuk tuan tanah pulihkan semula tanah tersebut kepada keadaan asal. Jika tidak dibuat (pemulihan), kita akan rampas (tanah)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Sesi Townhall Pengarah PTG Selangor bersama penolong pegawai tanah negeri anjuran Kesatuan Penolong Pegawai Tanah Negeri Selangor (KPPTNS) di sini, hari ini.

Menurut Yusri notis selama 90 hari akan diberikan kepada pemilik tanah dan sepanjang proses pemulihan tersebut pemilik tanah akan dikompaun RM100 sehari.

-Bernama